



2 November 2011
2 November 2011
P.U. (A) 364

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 12) 2011

FEDERAL ROADS (WEST MALAYSIA) (AMENDMENT) (NO. 12) ORDER 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (MALAYSIA BARAT) (PINDAAN) (NO. 12) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Sembilan, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No. 12) 2011.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 November 2011.

Pindaan Jadual Pertama

2. Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) 1989 [P.U. (A) 401/1989], yang disebut "Perintah ibu" dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual Pertama di bawah kepala "Negeri Sembilan Darul Khusus"—

(a) dengan menggantikan butiran 10 dengan butiran yang berikut:


"10. (*Laluan 51): Jalan Seremban-Kuala Pilah*

Dari persimpangannya dengan Laluan 1 di koordinat Utara (U) 300284.18, Timur (T) 439491.41 dan berakhir di persimpangan dengan Laluan 9 di koordinat Utara (U) 302997.58, Timur (T) 472697.89 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 11: Jalan-Jalan Persekutuan Negeri Sembilan.

Jarak sepanjang 36.26 km."; dan

- (b) dengan memasukkan selepas "PETA 10: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN" peta yang berikut:

"PETA 11: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN



Pindaan Jadual Ketiga

3. Jadual Ketiga kepada Perintah ibu dipinda di bawah kepala "Negeri Sembilan Darul Khusus"—

(a) dengan memasukkan selepas butiran 6 butiran yang berikut:

"7. (*Laluan 361*): Jalan Lama Bukit Putus

Dari persimpangannya dengan Laluan 51 Jalan Seremban-Kuala Pilah di koordinat Utara (U) 300645.01, Timur (T) 447118.67 dan berakhir di persimpangan dengan Laluan 51 di koordinat Utara (U) 301967.40, Timur (T) 452077.15 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Peta 2: Jalan-Jalan Persekutuan Negeri Sembilan.

Jarak sepanjang 6.84 km."; dan

(b) dengan memasukkan selepas "PETA: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN" peta yang berikut:

"PETA 2: JALAN-JALAN PERSEKUTUAN NEGERI SEMBILAN

